


**ETOS MELAYU:
PERSPEKTIF ADAT PERPATIH**

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN

**PROJEK YANG DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH
SARJANA SASTERA**

**FAKULTI SAINS KEMASYARAKATAN DAN KEMANUSIAAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
KUALA LUMPUR**

1999



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

JABATAN PERSURATAN MELAYU


Oleh

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN

Projek Sarjana ini telah diterima oleh Jabatan Persuratan Melayu untuk memenuhi sebahagian keperluan Ijazah Sarjana Sastera pada sesi 1998/99


Penyelia

27. 4. '99
Tarikh


Pemeriksa Kedua

20. 4. 1999.
Tarikh


Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

30 April '99.
Tarikh

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

1 Oktober, 1998

ABDUL RAZAK BIN HJ LIDUN

A 6864

PENGHARGAAN

Sesungguhnya Allah s.w.t. yang maha berkuasa dan layak menerima puji-pujian. Oleh itu saya bersyukur kerana limpah-Nya segala kekuatan fizikal dan mental dapat saya melengkapkan projek ini walaupun berhadapan dengan rintangan ketika kerja-kerja menyiapkannya.

Kepada Ketua Jabatan Persuratan Melayu, Profesor Madya Dr. Noriah Mohamed saya amat berterima kasih kerana sering memberi semangat dan dorongan kepada saya. Kepada pensyarah penyelia, Profesor Madya Dr. Sidek Fadzil, saya banyak berhutang budi kerana kesabarannya dalam membimbing dan menasihati saya semasa kerja-kerja menyiapkan projek ini. Kepada Profesor Madya Dr. Amran Kasimin, Profesor Madya Dr. Abdul Rahman Napihah, Profesor Madya Dr. Shafie Abu Bakar, Dr. Hanafi Dolah , hatta kepada semua pensyarah Jabatan Persuratan Melayu saya amat berhutang budi . Kemesraan staf sokongan Jabatan Persuratan Melayu juga amat bernilai kerana menjadi sumber inspirasi yang kekal dalam kenangan saya buat selama-lamanya.

Akhirnya, kepada semua pihak yang turut serta memberi bantuan dan dorongan, saya ingin merakamkan setinggi-tingginya penghargaan dan kepada Allah saya mengadu untuk ganjaran yang mutlak dan abadi.

ABDUL RAZAK BIN HAJI LIDUN
BT. 19 JALAN SEREMBAN
JELEBU.

ABSTRAK

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk melihat etos bangsa Melayu daripada perspektif Adat Perpatih yang diamalkan oleh sebahagian besar orang Melayu di Negeri Sembilan. Etos sesuatu bangsa itu sebenarnya berakar umbi sejak turun-temurun. Sehubungan itu, kajian ini akan memeriksa kata-kata adat yang menjadi rukun hidup masyarakat Adat Perpatih untuk dianalisis. Kajian ini bermatlamat untuk mengetahui sama ada Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan itu merupakan peraturan yang bersifat lengkap. Kajian ini juga ingin melihat Adat Perpatih yang menjadi pegangan orang Melayu Negeri Sembilan itu adakah dapat dianggap sebagai boleh diterimapakai dan dapat bertahan hingga hari ini. Akhirnya kajian ini ingin memeriksa adakah Adat Perpatih itu berlandas hukum Islam. Pada akhir kajian ini, didapati bahawa orang-orang Melayu pengamal Adat Perpatih di daerah Jelebu sebenarnya telah mempunyai sistem hidup yang begitu teratur dan lengkap yang menjadi asas kepada etos bangsa itu. Keputusan kajian menunjukkan pertama, Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di daerah Jelebu adalah merangkumi aspek sosial, ekonomi dan politik. Kedua, Adat Perpatih mampu bertahan hingga ke hari ini, khasnya di daerah Jelebu kerana ia masih diamalkan dalam kehidupan seharian. Ketiga, Adat Perpatih yang menjadi pegangan sebahagian besar orang Melayu di daerah Jelebu tidak bercanggah dengan tuntutan agama Islam.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
KANDUNGAN	v
 PENDAHULUAN	
0.1 Latar Belakang	vii
0.2 Pernyataan Masalah dan Objektif Kajian	x
0.3 Kepentingan Kajian	xvi
0.4 Definisi Istilah	xvii
0.5 Batasan Kajian	xx
0.6 Metodologi Penyelidikan dan Teori	xxi
0.7 Kajian Lepas	xxvi
 BAB I: ETOS DAN KEBUDAYAAN MELAYU	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Karya Sastra Tradisional Sebagai Sumber Etos Melayu	9
1.3 Kebudayaan Melayu dalam Konteks Zaman Kini	23
1.4 Kesimpulan	27
 BAB II: ETIKA SOSIAL	
2.1 Pengenalan	29
2.2 Etika Sosial Adat Perpatih	33
2.3 Etika Pergaulan	38
2.4 Etika Berjiran	45
2.5 Etika Menuntut Ilmu	54
2.6 Etika Penghakiman	58
2.7 Kesimpulan	63

BAB III: ETIKA EKONOMI

3.1	Pengenalan	66
3.2	Etika Ekonomi Adat Perpatih	68
4.2.1	Nilai Maruah dalam Ekonomi	74
4.2.2	Nilai Kegigihan Mencari Harta	75
4.2.3	Nilai Muafakat	78
3.3	Ekonomi daripada Pandangan Islam	80
3.4	Kesimpulan	83

BAB IV: ETIKA POLITIK

4.1	Pengenalan	86
4.2	Etika Politik Adat Perpatih	89
4.2.1	Nilai Demokrasi	95
4.2.2	Nilai Mufakat	97
4.2.3	Nilai-Nilai Islam	98
4.3	Nilai Kepimpinan dalam Masyarakat Adat Perpatih	100
4.4	Kesimpulan	104

PENUTUP	106
----------------	-----

BIBLIOGRAFI	119
--------------------	-----

LAMPIRAN 1	126
-------------------	-----

LAMPIRAN 2	127
-------------------	-----

LAMPIRAN 3	129
-------------------	-----

BAB IV

ETIKA POLITIK

4.1 Pengenalan

Setiap negara di dunia ini mempunyai pemimpin. Pemimpin diperlukan untuk bertanggungjawab membentuk kerajaan di sesebuah negara. Proses ini dianggap sebagai amalan politik yang biasa. Bagaimanapun untuk menjelaskan maksud politik itu secara umumnya ditafsirkan sebagai:

Ilmu dan seni kerajaan, sains yang berkaitan dengan bentuk, organisasi dan pentadbiran sesebuah negara, atau sebahagian daripadanya, dan berkaitan dengan peraturan hubungan sesebuah negara dengan negara-negara yang lain.¹⁴⁹

Seperti yang telah dijelaskan, pemimpin adalah diperlukan untuk mengetuai sesebuah negara atau institusi. Secara umumnya perkataan pemimpin itu bermaksud:

¹⁴⁹ A. R. Ball, *Politik Dan Kerajaan Modern (Terjemahan)*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm. 1.

... a leader is someone who has the potential ability, the power, to influence the way other people behave.¹⁵⁰

Sehubungan itu, pemimpin negara dipilih dalam beberapa cara. Oleh itu, antara sebuah negara dengan sebuah negara lain terdapat perbezaan dalam penentuan untuk memilih pemimpin. Perbezaan ini dalam istilah politiknya dinamai pengelasan sistem politik. Tipologi umum pengelasan sistem politik itu adalah seperti berikut:

- 1) Sistem Demokratik Liberal
- 2) Demokrasi Sosialis
- 3) Autokrasi Autoritarian¹⁵¹

Dalam demokratik liberal kuasa rakyat untuk menentukan pemimpin amat jelas. Pemimpin ditentukan melalui proses pilihan raya di mana terdapat lebih daripada satu parti politik yang bersaing untuk merebut kuasa politik. Sementara sistem demokrasi sosialis pula mempunyai satu parti politik yang mengamalkan satu ideologi sosialis. Mengikut sistem ini kerajaan mengawal setiap aktiviti swasta dan konsep pemisahan kuasa tidak wujud dalam sistem tersebut. Sistem politik yang berpegang dengan autokrasi pula adalah sistem pemerintahan selain daripada sistem demokratik liberal dan sistem demokrasi sosialis. Tegasnya sistem authoritarian ini termasuk sistem rejim konservatif dan rejim tentera.

¹⁵⁰ K. Lewin, "Field Theory in Social Science" dalam Ronald C. Federico, *Sociology (Second Edition)*, Addison- Wesley, Philippines, 1979, hlm. 253.

¹⁵¹ Ibid, hlm. 51.

Dalam hubungan sistem politik ini, konsep demokrasi dianggap sebagai satu sistem yang terbaik kerana sistem ini memberi peluang kepada rakyat untuk menentukan pemimpin mereka sendiri. Dengan kata lain, sistem demokrasi ini membuktikan bahawa rakyat berkuasa untuk memilih pemimpin yang paling layak bagi mereka dan negara. Kalau dilihat pengertian demokrasi itu ialah pemerintahan yang diuruskan oleh rakyat dalam sesuatu masyarakat.¹⁵²

Bagaimanapun, apa sahaja sistem politik yang diamalkan dalam sesebuah negara itu, matlamat utamanya pemimpin ialah untuk mendapatkan kuasa politik. Dalam hubungan ini kuasa politik boleh didefinisikan sebagai:

Keupayaan mempengaruhi tingkahlaku orang lain melalui bentuk sekatan yang tertentu. Sekatan mungkin berbentuk paksaan ataupun pujukan. Kuasa boleh disokong oleh ganjaran atau hukuman dan boleh digunakan dalam bentuk yang positif dan yang negatif. Oleh itu pemimpin politik boleh mendapatkan kepatuhan pada keinginan mereka dengan menjanjikan kekayaan atau penghormatan kepada para penyokong mereka atau mereka boleh mengugut untuk menafikan ganjaran yang sedemikian kepada yang menentang. Kebanyakan pengguna kuasa politik menggunakan kedua-dua unsur ini.¹⁵³

¹⁵² K. Ramanathan, *Konsep Asas Politik*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 22.

¹⁵³ A. R. Bail, hlm. 30

4.2 Etika Politik Adat Perpatih

Menurut ahli sosiologi yang berpegang kepada teori "*Structural-Functional*" mereka menyatakan bahawa masyarakat terbentuk daripada satu set nilai umum. Nilai umum ini diperolehi oleh anggota sesebuah masyarakat sejak awal lagi daripada keluarga dan kemudiannya diwarisi pula oleh generasi terkemudiannya.

Sehubungan itu menyentuh tentang aspek politik pula, berdasarkan teori "*Structural-Functional*" ini, mereka menyebutkan:

In a legal system of authority, a society's values shape its laws and political policies. If people values achievement, the law will protect the right to achieve. If people value freedom, the law will protect freedom and social policy will encourage freedom – no one will be forced to practice a particular religion, for example, and marriage will be a matter of personal choice. It is the political institutions that pass law and develop policies that reflect the values of the population.¹⁵⁴

Jesteru itu, memang tepat teori "*Structural-Functional*" yang menyatakan bahawa masyarakat mempunyai satu set nilai yang menjadi sandaran mereka. Dalam

¹⁵⁴ J. R. Eshleman & B. G. Cashion, hlm. 420.

hubungan Adat Perpatih, masyarakat tersebut mempunyai nilai-nilai yang tersendiri dalam sistem politik mereka. Nilai-nilai tersebut diteruskan kesenambungannya dari satu generasi ke generasi yang kemudiannya.

Dalam sistem politik Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan, Yang Dipertuan Besar merupakan teraju yang tertinggi . Hal ini ditegaskan oleh Nordin Selat :

Teraju politik yang tertinggi sekali ialah Yang Dipertuan Besar biasanya dikenali sebagai Yamtuan. Dalam perbilangan adat baginda disifatkan “ keadilan “ – menjelaskan fungsi baginda sebagai penyelesai dan hakim tertinggi dalam sebarang masalah Adat.¹⁵⁵

Sehubungan itu, struktur kepimpinan dalam sistem politik Adat Perpatih ini (lihat Lampiran 3) dapat diperjelaskan melalui kata-kata adat berikut:

Di atas raja

Di tengah undang

Di bawah lembaga

Raja berdaulat dalam alam

Penghulu berdaulat dalam luaknya

Lembaga bernobat dalam lingkungannya

¹⁵⁵ Nordin Selat, hlm. 55.

Buapak bernobat dalam anak buahnya.¹⁵⁶

Berdasar kepada perbilangan di atas, jelas memperlihatkan hiraki raja atau Yam Dipertuan Besar sebagai pemimpin tertinggi dalam sistem Adat Perpatih. Bagaimanapun, baginda tidak mempunyai kuasa untuk campurtangan dalam hal ehwal yang berlaku dalam sesebuah luak. Dalam hubungan pengagihan kuasa ini, kata-kata adat menyatakan:

Beruang-ruang bak durian

Berlopak-lopak bak sawah

Berumpuk seorang satu

Berpunya masing-masing¹⁵⁷

Dalam sistem kuasa yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih, pengagihan kuasa itu bermula di peringkat yang paling bawah, iaitu yang dipanggil buapak, kemudian lembaga, undang dan yang teratas pada hiraki sistem kuasa itu ialah Yam Dipertuan Besar. Pemimpin-pemimpin tersebut pula mempunyai bidang kuasa yang tertentu pada kumpulan yang tertentu. Sehubungan itu, kata-kata adat menyatakan:

Alam beraja

Luak berpenghulu

¹⁵⁶ Nor Hasiah bt. Harun, Nilai Etika Dalam Perbilangan Adat Perpatih Menurut Pandangan Islam. . Latihan Ilmiah, Jabatan Al-Quran dan al-Sunnah, UKM, Sesi 1990/91.

¹⁵⁷ A. Samad Idris, Kertas Kerja "*Secebis Mengenai Adat Perpatih: Nilai Dan Falsafahnya*", Seminar Kerapatan Adat Negeri Sembilan pada 24 Julai, 1996.

Suku berlembaga

Anak buah beribu buapak¹⁵⁸

Merujuk kepada kata adat itu, jelas menunjukkan bahawa negeri atau dalam istilah adatnya “alam” dikendalikan oleh raja “Yam Dipertuan Besar “. Oleh itu perkara yang membabitkan soal-soal negeri akan diputuskan oleh raja. Sementara penghulu atau dengan kata lain undang mempunyai kuasa dalam perkara yang berkaitan dengan luak atau daerahnya. Dalam perkara yang terbit di kalangan suku pula, bidang kuasa terletak di tangan lembaga. Lembaga bertanggungjawab menyelesaikan masalah yang terjadi dalam lingkungan sukunya sekadar bidang kuasa yang mengizinkannya bertindak. Akhirnya, buapak pula bertanggungjawab terhadap anak buahnya. Perkara yang bersabit dengan anak buah akan diambil tindakan oleh oleh buapak. Di sini jelas membuktikan dalam sistem pemerintahan Adat Perpatih telah dipraktikkan sistem pengagihan kuasa.

Buapak dilantik oleh anak buah sebagai ketua mereka. Buapak mempunyai kuasa di kalangan kelompok anak buahnya sahaja. Bidang kuasanya terbatas kepada hal-hal yang berlaku dalam kelompoknya dan menyelesaikan perkara-perkara yang ringan seperti yang dikatakan dalam adat:

Luka cungit

Pecah berdarah¹⁵⁹

¹⁵⁸ Temubual dengan Dato'Ombi Abdul Ghani Shamarudin pada 20 Jun, 1998.

¹⁵⁹ Ibid.

Dengan itu, jelas bidang kuasa buapak hanya terhadap perkara-perkara kecil. Sekiranya berlaku dalam kelompoknya perkara-perkara lebih berat perkara tersebut harus dirujuk kepada peringkat yang lebih tinggi, iaitu lembaga untuk menyelesaikan. Lembaga pula ialah ketua dalam suku. Suku terbentuk daripada beberapa perut. Lembaga dilantik berdasarkan persetujuan bersama antara perut-perut. Lembaga mempunyai bidang kuasa yang lebih berat berbanding dengan buapak. Ketua dalam luak (daerah) pula dipanggil undang. Undang dicalonkan dari satu suku waris, iaitu suku asal atau suku yang pertama sekali. Suku ini ialah suku Biduanda.¹⁶⁰ Undang memainkan peranannya sebagai pemimpin dalam luaknya. Beliau juga berperanan sebagai hakim. Sebarang perkara yang berlaku dalam luak, undang akan menyelesaikan dan menghukum pada pihak yang bersalah. Dalam menjalankan peranannya sebagai pemimpin terhadap luaknya, prinsip yang digunakan seperti kata perbilangan adat:

Boleh menghitam dan memutihkan,
Boleh memanjang dan memendekkan,
Boleh mengesah dan membatalkan,
Keris penyalang kepada Undang,
Hidup mati kepada Undang.¹⁶¹

Berdasar kata-kata di atas, undang mempunyai kuasa penuh terhadap rakyat dalam luaknya. Walau bagaimanapun, undang tidak menggunakan kuasanya sewenang-wenangnya sebelum mendapat nasihat dari majlis lembaganya. Dengan kata lain,

¹⁶⁰ Nordin Selat, hlm. 64.

¹⁶¹ Ibid.

keputusan undang bukan kata putus bersendirian tetapi selepas mendapat pandangan daripada orang besarnya terlebih dahulu.

Dengan kata lain, sistem politik masyarakat Perpatih di Negeri Sembilan itu suatu susunan yang bersistematik. Maksudnya, kuasa itu tidak terletak di tangan seorang sahaja sebagaimana yang diamalkan di setengah-setengah negara. Oleh itu boleh dikatakan bahawa sistem pemerintahan dalam masyarakat Adat Perpatih ini mengamalkan pemerintahan yang bercorak demokrasi di mana rakyat sebenarnya mempunyai kuasa mutlak dalam pemerintahan. Walaupun pada dasarnya kuasa dipegang pada peringkat negeri oleh Yam Dipertuan Besar, undang pada peringkat daerah, lembaga pada peringkat suku dan buapak pula pada peringkat perut, tetapi mereka itu diangkat oleh orang ramai melalui proses pemilihan di mana kuasa orang ramai menentukannya.

Bagi menjelaskan lagi kuasa orang ramai dalam pemilihan pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih ini, sebagai contoh untuk memilih pemimpin di peringkat perut, ahli dalam perut akan memilih seorang daripada mereka untuk diangkat menjadi buapak. Mereka ini dipilih berdasarkan kepada beberapa ciri atau dengan kata lain personaliti yang mengizinkan mereka memegang jawatan tersebut. Selepas mendapatkebulatan suara, maka diangkat mereka menjadi buapak. Sebagai buapak, mereka bertanggungjawab terhadap ahli-ahli dalam perut mereka. Seorang buapak bertanggungjawab menyelesaikan perkara-perkara yang berlaku dalam perut mereka.

Kebulatan dalam pemuafakatan antara buapak-buapak terlantik pula pemimpin yang dipanggil lembaga. Lembaga ini dilantik daripada salah seorang dalam perut-perut dalam masyarakat Adat Perpatih itu. Sebagaimana pemilihan buapak, lembaga ini juga dipilih diantara calon-calon yang paling layak dalam perut-perut yang berkenaan. Sebagai pemimpin kepada suku masyarakat Adat Perpatih, lembaga bertanggungjawab menjaga kesejahteraan ahli masyarakat dalam suku mereka. Sebarang perkara yang terjadi pada ahli suku dirujuk kepada lembaga selepas perkara itu tidak dapat diselesaikan pada peringkat buapak.

Seterusnya, kebulatan suara lembaga-lembaga terangkat pula pemimpin daerah atau luak yang dipanggil undang. Undang ini pula adalah pemimpin yang dipilih di kalangan suku dalam sesebuah daerah. Sebagai undang dalam sesebuah luak itu, beliau mempunyai kuasa yang sangat luas. Beliau mempunyai kuasa sebagaimana seorang raja. Undang mempunyai kuasa yang mutlak dalam luaknya.

4.2.1 Nilai Demokrasi

Dalam proses pemilihan pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih ini nilai yang dipegang ialah nilai demokrasi. Sebenarnya nilai demokrasi dalam pemerintahan ini telah diamalkan sejak Greek Purba (abad keempat S.M.).¹⁶² Demokrasi bermaksud satu sistem politik yang memberi peluang kepada rakyat jelata membuat keputusan-keputusan secara umum.¹⁶³

¹⁶² K. Ramanathan, hlm. 22.

¹⁶³ Ibid, hlm. 24.

Sehubungan itu, perlantikan pemimpin dalam masyarakat Adat Perpatih berlaku dalam suasana demokrasi di mana suara rakyat dapat menentukan dan mempengaruhi orang yang akan diangkat menjadi pemimpin. Suasana demokrasi dalam politik Adat Perpatih ini dapat dijelaskan melalui kata-kata adat berikut:

Bulat anak buah menjadi Buapak

Bulat Buapak menjadi Lembaga

Bulat Lembaga menjadi Penghulu

Bulat Penghulu menjadi Raja¹⁶⁴

Kata-kata adat di atas dapat menjelaskan bahawa proses demokrasi dalam masyarakat Adat Perpatih itu sememangnya telah dipraktikkan. Amalan demokrasi tersebut berlaku dalam semua peringkat pemimpin, iaitu bermula daripada pemilihan buapak, lembaga, undang sehingga raja. Dengan itu, tidak ada cara lain dalam proses pemilihan kepimpinan kecuali suara rakyat jelata yang sepakat atau mendapat suara meyoriti. Apabila proses ini dipatuhi, maka barulah seorang pemimpin itu terlantik.

Selanjutnya, proses demokrasi dalam Adat Perpatih ini menjelaskan lagi kedudukan pemimpin yang bakal dilantik dengan kata-kata adat berikut:

Tumbuhnya ditanam

Tingginya dianjung

¹⁶⁴ Temubual dengan Dato' Ombi Abdul Ghani Shamarudin pada 20 Jun, 1998.

Kata-kata di atas bermaksud seseorang pemimpin itu dapat menduduki tempat sebagai pemimpin bukan kerana kehebatan diri individu itu tetapi kerana dipilih oleh rakyat jelata. Pemimpin tidak boleh berbangga dengan kedudukannya kerana pencapaiannya itu kerana kedudukan tinggi yang dipegangnya dalam masyarakat dan kuasa yang besar yang ada ditangannya sebenarnya diberikan rakyat jelata kepadanya. Oleh itu, pemimpin seharusnya sedar kedudukannya sebagai pemimpin hanya kerana suara rakyat dan boleh pada bila-bila masa dilucutkan jawatannya.

4.2.2 Nilai Muafakat

Dalam sistem politik masyarakat Adat Perpatih, ciri yang terpenting yang dipegang oleh anggota masyarakatnya ialah muafakat. Setiap aktiviti harian mereka termasuk dalam urusan pemilihan pemimpin, mereka sentiasa berpegang kepada nilai-nilai muafakat. Dalam tanggapan mereka kerja yang disertai dengan muafakat akan menghasilkan kejayaan. Oleh itu, nilai muafakat sentiasa diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih dan setiap anggota akan akur kepada keputusan yang diambil oleh suara majoriti.

Nilai muafakat dalam masyarakat Adat Perpatih ini terserlah melalui kata-kata adat berikut:

¹⁶⁵ Ibid.

Bulat air kerana pembentung

Bulat kata kerana muafakat

Ke gunung sama di daki

Ke lurah sama dituruni

Hati gagah sama dilapah

Hati kuman sama dicecah¹⁶⁶

Berdasar kepada kata-kata adat di atas, terjelma satu konsep yang jelas, iaitu masyarakat Adat Perpatih yakin kepada persetujuan bersama dalam memutuskan sesuatu perkara yang penting. Tanpa muafakat kekusutan dan kegawatan yang terjadi sukar untuk diatasi. Bagi masyarakat Adat Perpatih susah-senang harus dihadapi secara bersepadu. Apabila usaha yang dilakukan itu beroleh kejayaan, maka kejayaan itu seharusnya dinikmati secara bersama-sama.

4.2.3 Nilai- Nilai Islam

Menyoroti tentang nilai-nilai yang diterapkan dalam sistem pentadbiran Adat Perpatih, satu daripada nilai yang menjadi tulang belakang kepada sistem politiknnya ialah nilai-nilai keislaman. Penerapan nilai-nilai Islam dalam sistem pentadbiran Adat Perpatih sememangnya selaras dengan agama yang didukung orang Melayu di Negeri Sembilan sejak zaman berzaman. Oleh itu, adat yang dibawa ke daerah Negeri Sembilan dari Alam Minangkabau diterima dengan dada yang lapang oleh orang-orang Melayu di Negeri Sembilan.

¹⁶⁶ Ibid.

Dalam hubungan ini, misalannya aspek politik masyarakat Melayu Adat Perpatih mengamalkan pemerintahan bersandarkan konsep demokrasi. Konsep demokrasi ini juga merupakan prinsip politik dalam Islam. Mengikut Abul A'la al-Maududi nilai demokrasi dilihat daripada perspektif Islam bersandarkan prinsip khalifah rakyat. Dengan kata lain, demokrasi Islam kedaulatan berada pada tuhan dan rakyat adalah merupakan khalifah-khalifah wakil-wakil-Nya. Sehubungan itu, rakyat harus mengikuti dan mentaati undang-undang dari syariat yang diberikan tuhan kepada rasul-Nya Muhammad S.A.W. Tegasnya demokrasi Islam adalah takluk pada hukum tuhan dan menjalankan kekuasaannya sesuai dengan perintah-perintah dan ajaran tuhan dan dalam batas-batas yang ditetapkan oleh-Nya.¹⁶⁷

Sebagai memperlihatkan Adat Perpatih itu didasari oleh nilai-nilai agama Islam yang maha suci itu, kata-kata adat menyebutkan:

Adat bersendi hukum

Hukum bersendi kitabullah

Syarak mengata

Adat mengikut

Adat dan syarak sandar menyandar¹⁶⁸

¹⁶⁷ Abul A'la al-Maududi, *Pokok Pandangan Hidup Muslim*, Pustaka Nasional, Singapura, 1983, hlm. 40-41.

¹⁶⁸ Temubual dengan Dato' Chenchang Hj Othman Sarun pada 25 Jun, 1998.

Berpegang kepada kata-kata adat di atas, jelas bahawa adat dan syarak saling bergantung. Hukum syarak dijemakan menerusi kitabullah, sementara adat pula wujud berlandaskan kepada hukum syarak. Oleh itu, syarak menduduki hierarki teratas dalam sistem pengwujudan adat itu sendiri. Tegasnya, apa yang digariskan dalam syarak, adat akan melaksanakan.

4.3 Nilai Kepimpinan dalam Masyarakat Adat Perpatih

Dalam proses memilih pemimpin, masyarakat Melayu tradisional sememangnya telah ada garisan panduan yang perlu dipatuhi. Hal ini jelas pada pantun tradisional yang diungkapkan oleh masyarakat Melayu berikut:

Kalau mencari tempat mandi,
Pertama teluk, kedua pantai,
Kalau mencari ketua negeri,
Pertama elok, kedua pandai.¹⁶⁹

Bersasar kepada pantun tradisional di atas, jelas memperlihatkan dalam pemilihan seseorang pemimpin itu ada ciri-ciri yang perlu diambil kira. Dengan kata lain, pemimpin itu tidak diangkat tanpa memenuhi kriteria yang tertentu. Diantara perkara yang menjadi garis panduan yang diperhatikan ialah keadaan fizikalnya dan pemikirannya. Kedua-dua aspek itu harus dipenuhi oleh seseorang yang akan diangkat menjadi ketua.

¹⁶⁹ Ibid.

Bertitik tolak daripada itu, dalam sistem Adat Perpatih juga ada ciri-ciri yang perlu dipenuhi oleh seseorang pemimpin itu. Di antara ciri-ciri pemimpin yang dikehendaki oleh masyarakat Adat Perpatih itu adalah seperti berikut:

1. Ia mestilah seorang lelaki
2. Seorang yang sihat fizikal dan mental
3. Seorang yang sudah baligh dan berakal
4. Seorang yang mempunyai pemikiran dan perawakan yang sempurna
5. Seorang yang berketurunan baik
6. Seorang yang dipilih dengan suara meyoriti
7. Seorang Islam¹⁷⁰

Berdasarkan ciri-ciri di atas, boleh disimpulkan bahawa nilai kepimpinan dalam masyarakat Adat Perpatih itu begitu jelas supaya pemimpin yang dipilih itu dapat berfungsi dengan baik kepada orang ramai. Secara ringkasnya, prinsip yang dipegang dalam kepimpinan Adat Perpatih itu ialah :

Bak pohon rendang di tengah padang

Batangnya untuk bersandar

Dahannya untuk bergantung

Buahnya untuk dimakan

¹⁷⁰ Nordin Selat, *Renungan*, Utusan Publications, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 133-136.

Daunnya untuk berlindung¹⁷¹

Berpegang kepada kata-kata adat di atas, nilai yang terkandung dalam kepemimpinan masyarakat Adat Perpatih itu ialah pemimpin seharusnya dapat diumpamakan sebagai pokok yang rendang. Pokok itu boleh memberi faedah yang banyak kepada makhluk lain. Pokok tersebut boleh dimanfaatkan sebagai tempat berteduh. Tegasnya kepemimpinan yang disarankan oleh adat adalah berkonsepkan kepemimpinan yang memberi manfaat kepada semua rakyat.

Ciri kepemimpinan yang kedua yang sepatutnya dimiliki oleh pemimpin masyarakat Adat Perpatih ialah ciri "*keimpinan melalui teladan*." Sebenarnya konsep ini telah wujud sejak dahulu lagi seiring dengan kedatangan masyarakat Minangkabau ke Negeri Sembilan. Oleh itu, nilai tersebut telah sedia diterapkan dalam peraturan adat. Oleh itu lahir kata-kata adat yang menyentuh konsep kepemimpinan tersebut:

Kalau keruh air di hulu

Sampai ke hilir keruh juga¹⁷²

Apa yang boleh diterjemahkan daripada kata-kata di atas ialah seseorang pemimpin itu seharusnya mengamalkan ketelusan dalam pentadbirannya. Sekiranya seseorang pemimpin itu tidak memperlihatkan sifat-sifat kepemimpinan yang telus, akan

¹⁷¹ Temubual dengan Dato' Chencang Hj Othman Sarun pada 25 Jun, 1998.

¹⁷² Ibid.

terjadi seperti perumpamaan Melayu yang menyatakan “*seperti ketam menyuruh anaknya berjalan betul*”. Tegasnya, pemimpin harus menunjukkan teladan yang betul sebagai ikutan orang ramai.

Dalam hubungan ini, sebagai seorang pemimpin, Rasulullah S.A.W. adalah contoh dan teladan yang terbaik. Ini dinyatakan dalam al-Quran yang bermaksud:

Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu suri teladan yang baik bagi kamu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah)¹⁷³

Sehubungan itu, Islam telah menggariskan kualiti-kualiti yang melayakkan seseorang itu diangkat menjadi pemimpin:

1. Adil
2. Ketinggian ilmu
3. Ketakwaan kepada Allah S.W.T.
4. Akhlak yang tinggi
5. Tabligh atau menyampaikan
6. Amanah
7. Benar
8. Bijaksana

¹⁷³ Al- Ahzab, 33 :21.

9. Berani
10. Pancaindera yang sempurna
11. Anggota badan yang sempurna¹⁷⁴

Berdasar kepada perbandingan nilai-nilai pemimpin dan kepimpinan antara Adat Perpatih dan Islam jelas ada persamaan antara keduanya. Bagaimanapun kerana garis panduan Adat Perpatih itu kelahirannya dicipta oleh kebijaksanaan manusia kalau dibandingkan dengan hukum Islam maka pasti tahap kesempurnaan lebih pada hukum Islam. Namun begitu, hukum Adat Perpatih itu memperlihatkan ada unsur-unsur yang sama seperti yang digariskan dalam hukum Islam. Hal ini yang memungkinkan adat itu digambarkan sebagai :

Adat bersendikan hukum,
Hukum bersendikan kitabullah.¹⁷⁵

4.4 Kesimpulan

Seperti yang telah diperjelaskan oleh ahli sosiologi bahawa institusi politik adalah penting kerana institusi itu bertindak sebagai:

¹⁷⁴ Ibid, hlm. 399-403.

¹⁷⁵ Temubual dengan Dato'Chencang Hj Othman Sarun pada 25 Jun, 1998.

... the social structure that legitimates certain ways of acquiring and exercising power and that defines that relationship between government and the people.¹⁷⁶

Justeru itu, sistem politik dalam masyarakat Adat Perpatih dibentuk untuk mencapai nilai-nilai yang diinginkan oleh masyarakat itu. Dengan kata lain, sistem politik Adat Perpatih itu ingin melahirkan manusia yang mengamalkan nilai demokrasi, nilai muafakat dan semua itu diimbangi oleh nilai keislaman. Oleh itu sistem politik Adat Perpatih yang dianuti oleh sebahagian besar orang Melayu di Negeri Sembilan khususnya di daerah Jelebu adalah lengkap.

Walaupun zaman telah berubah, tetapi sistem politik Adat Perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di daerah Jelebu masih segar dan mantap hingga ke hari ini. Ini amat jelas dilihat dalam perantukan ketua-ketua adat daripada perantukan Dato' Undang, Dato' Lembaga hingga ke Buapak nilai demokrasi masih dikekalkan lagi. Sebagai kesimpulannya, sistem politik yang teramal di dalam adat di Jelebu dapat bertahan hingga ke hari ini malahan sistem demokrasi dalam kepimpinan politik tanah air juga memperlihatkan elemen keseragaman dengan yang dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Adat Perpatih.

¹⁷⁶ R. C. Federico, hlm. 462.

PENUTUP

Seperti yang telah dijelaskan pada peringkat awal kajian ini, Adat Perpatih yang diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu di Negeri Sembilan dan tersebar hingga ke Naning di Melaka adalah berasal daripada Minangkabau. Adat Perpatih itu tersebar ke masyarakat tempatan melalui proses yang disebut sebagai difusi. Adat Minangkabau yang dibawa oleh Dato' Perpatih itu kemudiannya diubahsuai dengan keadaan orang-orang tempatan di Negeri Sembilan.

Seperti yang disebutkan bahawa penjelmaan Adat Perpatih dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan itu adalah melalui proses difusi. Bagi pengkaji sosiologi mereka berpendapat kebudayaan asal atau kebudayaan pokok itu berkembang, menyebar dan pecah membentuk bangsa-bangsa. Bangsa-bangsa pendukung kebudayaan yang sudah pecah itu bergerak dan berpindah-pindah. Mereka pengaruh mempengaruhi.¹⁷⁷ Teori difusi ini berkembang pada akhir kurun ke-19 dan awal kurun ke-20. Teori ini dikembangkan oleh dua golongan, iaitu golongan antropologi British yang dipelopori oleh G. Elliot Smith, Wiliam J. Perry dan W.H. R. Rivers. Golongan ini berpendapat masyarakat manusia biasanya kurang mencipta tetapi mereka lebih suka meminjam daripada ciptaan kebudayaan asing.¹⁷⁸

¹⁷⁷ Sidi Gazalba, *Antropologi Budaya II*, Penerbit Bulan Bintang, Jakarta, 1974, hlm. 146.

¹⁷⁸ Abdullah Taib, *Asas-Asas Antropologi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 36.

Sementara golongan difusionisme kedua ialah golongan Jerman- Austria yang diterajui oleh Firtz Graebner Dan Father Wilhelm Schmidth. Bagi golongan ini, mereka berpegang kepada anggapan bahawa anggota masyarakat meminjam tret kebudayaan asing kerana pada asasnya anggota-anggota masyarakat tidak suka mencipta. Mereka menganggap bahawa tret kebudayaan boleh tersebar di dalam sesuatu kumpulan secara berkelompok-kelompok ataupun secara tersendiri dalam lingkungan kawasan yang lebih jauh.¹⁷⁹

Berdasarkan kepada teori difusi seperti yang dinyatakan oleh kedua-dua golongan, iaitu difusi British dan Jerman – Austria ,kaitan dengan kajian ini ialah Adat Perpatih yang berkembang luas dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan ini sebenarnya dibawa masuk oleh orang-orang Minangkabau yang berasal dari Minangkabau, Sumatera. Perkara ini nyata diterangkan oleh Ismail Hamid:

Nama Adat Perpatih diambil sempena nama pengasas adat ini, iaitu Dato' Perpatih Nan Sebatang. Menurut cerita di Minangkabau pada masa yang silam terdapat dua beradik yang seibu, tetapi berlainan bapa, yang seorang bernama Dato' Perpatih dan seorang lagi bernama Dato' Temenggung. Kedua-duanya daripada kalangan keluarga pemerintah yang arif dan bijaksana dalam menjalankan pemerintahan negeri Minangkabau...

¹⁷⁹ Ibid, hlm. 36.

...Adat Perpatih masih lagi diamalkan di Negeri Sembilan hingga dewasa ini. Adat ini tetap dipertahankan seperti kata pepatah “ Biar mati anak jangan mati adat”.¹⁸⁰

Anak-anak muda Minangkabau ini datang ke Semenanjung Tanah Melayu khususnya ke Negeri Sembilan untuk mencari pengalaman dan rezeki sebagaimana yang disarankan oleh masyarakat mereka supaya orang-orang muda digalakkan merantau terlebih dahulu. Pada masa yang sama mereka masih mengamalkan budaya asal mereka walaupun mereka berada di luar alam Minangkabau. Dalam pada itu mereka mengembangkan kebudayaan mereka kepada penduduk-penduduk pribumi. Akhirnya, melalui proses pergaulan seharian dan perkahwinan dengan penduduk tempatan kebudayaan Minangkabau itu diterapkan dalam masyarakat tempatan dan disebatikan dalam cara hidup masyarakat tempatan dengan melakukan sedikit-sebanyak pengubahsuaian . Bertitik-tolak daripada itu terbentuk etos Melayu yang digunapakai oleh masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Perkara ini selari dengan teori difusi yang dinyatakan oleh Clark Wissler dan Alferd Kroeber:

...kawasan kebudayaan sebagai satu kawasan yang menjadi pusat kebudayaan di mana terdapat tret kebudayaan yang mula berkembang di sini dan kemudian tersebar melalui proses difusi keluar daripada kawasan asal.

¹⁸⁰ Ismail Hamid, *Masyarakat Dan Budaya Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, , Kuala Lumpur, 1991, hlm. 105.

... Kemudian ia akan meluas dan terus berkembang merebak ke kawasan-kawasan kebudayaan lain di sekitarnya seperti dalam pusat kebudayaan yang lebih tua.¹⁸¹

Walaupun seperti yang telah dihuraikan Adat Perpatih itu berasal dari Adat Minangkabau yang dibawa masuk ke dalam masyarakat Melayu di Negeri Sembilan melalui proses difusi tetapi telah diubahsuai dengan keperluan setempat. Ini bersesuaian dengan pepatah yang berbunyi:

Lain lubuak lain ikan,

Lain padang lain belalang

Lain nagari lain adatnyo.¹⁸²

Berdasar kepada kata-kata adat di atas, falsafah yang terkandung di dalamnya ialah peraturan atau adat itu berbeza-beza antara satu tempat dengan tempat lain. Perbezaan ini terjadi kerana perbezaan dari banyak aspek, misalannya keperluan yang berbeza, alam keliling yang berbeza, persekitaran yang berbeza dan sebagainya. Oleh itu, berlaku perbezaan peraturan atau adat kerana menyesuaikan dengan keadaan setempat.

¹⁸¹ Abdullah Taib, hlm. 37.

¹⁸² H.Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu, *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*, Remadja Karya CV, Bandung, 1984, hlm. 15.

Sehubungan itu, berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang diperolehi pengkaji melalui pembacaan dan temubual dengan tokoh-tokoh tertentu, penyelidik mendapati bahawa Adat Perpatih itu sebenarnya lengkap dan mampu dijadikan sebagai peraturan hidup. Kesimpulan yang dibuat ini berdasar kepada pandangan yang dikemukakan oleh Dato' Ombi Abdul Ghani Shamarudin yang menyatakan adat itu sebenar terbahagi kepada empat kategori, iaitu:

- 1) Adat yang sebenar adat
- 2) Adat yang teradat
- 3) Adat yang diadatkan
- 4) Adat istiadat¹⁸³

Adat yang sebenar adat dengan kata lain ialah hukum alam (*Law of Nature*) di mana tidak dapat diubah lagi kebenarannya. Adat ini tetap kekal, tiada terpengaruh oleh tempat, waktu dan kebendaan. Sebagai contoh, kata-kata adat menyatakan:

Pulai bertingkat naik,
Enau bertingkat turun,
Manusia zaman berzaman.¹⁸⁴

Adat yang kedua pula ialah adat yang teradat (*constitution*). Adat atau perlembagaan ini dibentuk sesuai dengan situasi setempat yang boleh ditambah atau

¹⁸³ Temubual dengan Dato' Ombi Abdul Ghani Shamarudin pada 20 Jun, 1998.

¹⁸⁴ Ibid.

dikurangi atau boleh pula ditinggalkan. Dengan kata lain adat ini berubah-ubah misalannya cara berpakaian.

Seterusnya adat yang diadatkan bermaksud peraturan-peraturan yang diamalkan oleh setiap daerah yang telah dipersetujui bersama melalui proses muafakat. Peraturan ini juga berbeza antara daerah dengan daerah yang lain. Sebagai contoh dalam menentukan mas kahwin untuk wanita di Negeri Sembilan adalah berbeza antara sebuah daerah dengan daerah yang lain.

Kategori adat yang keempat ialah adat istiadat. Adat ini adalah upacara-upacara yang lazim dilakukan oleh masyarakat Adat Perpatih. Upacara-upacara yang dimaksudkan seperti nikah kahwin, pertunangan, berkhatan dan seumpamanya. Upacara-upacara tersebut adalah merupakan peraturan-peraturan biasa dalam masyarakat.

Tegasnya Adat Perpatih itu menggarap setiap aspek kehidupan masyarakatnya. Berlandas kepada peraturan yang telah disediakan, masyarakat Adat Perpatih di daerah Jelevu hingga kini terus-menerus mempraktikkan adat tersebut sebagai satu tatacara hidup yang mantap dan utuh. Walaupun zaman berubah, tetapi bagi orang-orang Melayu pengamal Adat Perpatih di daerah Jelevu masih kuat berpegang kepada adat yang mereka pusakai sejak zaman-berzaman. Ini amat jelas dalam kehidupan seharian mereka baik dalam aspek sosialnya yang mengutamakan nilai muafakat, aspek ekonomi

yang memperlihatkan semangat kerja kuat dan aspek politik apabila mengadakan perlantikan pemimpin.¹⁸⁵

Bagaimanapun, sebagai peraturan yang terhasil daripada pemikiran dan kebijaksanaan manusia, maka sudah barang tentu dalam mengharungi perubahan masa dan zaman adat itu perlu diubahsuai mengikut masa dan keadaan. Ini tidak bererti adat itu tidak berkeupayaan menongkah arus kemajuan tetapi untuk menyesuaikan adat dengan keperluan semasa ia perlu ditokok-tambah. Hal ini jelas di mana kata-kata adat menyebutkan:

Ibu adat muafakat

Usang-usang dibaharui

Yang lapuk disokong

Yang elok dipakai

Melihat contoh pada yang lemah

Melihat tuah pada yang menang

Yang senting dilabuhkan

Yang panjang dikerat

Sekali air bah

Sekali pantai berubah¹⁸⁶

¹⁸⁵ Temubual dengan Dato' Chenchang Hj Othman bin Sarun pada 25 Jun, 1998.

¹⁸⁶ Temubual dengan Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusof pada 28 Jun, 1998.

Sehubungan dengan pepatah adat di atas dapat dibuat kesimpulan , iaitu masyarakat Adat Perpatih tidak menghalang generasi kemudian untuk mengubahsuai adat yang telah sedia terpakai sejak zaman berzaman. Bagaimanapun, sebarang perubahan atau pindaan yang akan dilakukan perlu sekali dibawa berunding atau bermuafakat. Bagi masyarakat Adat Perpatih, sekiranya peraturan yang terdahulu itu dirasakan tidak lagi bersesuaian dengan masa dan keadaan, maka bolehlah diganti atau diperbaharui. Perkara ini bergantung kepada pertimbangan masyarakat pada masa itu berdasarkan kekurangan adat tersebut. Kesimpulannya, masyarakat Adat Perpatih sedar bahawa perubahan pasti akan berlaku dan bagi memantapkan adat tersebut adat perlu ditokok-tambah dari masa ke semasa.

Sehubungan itu juga, jika diteliti daripada petikan-petikan al-Quran dan al-Hadis yang diperturunkan dalam kajian ini, jelas memperlihatkan etika dalam sosial, ekonomi dan politik yang teramal di kalangan orang-orang Melayu Adat Perpatih di Negeri Sembilan adalah selari dengan apa yang digariskan oleh agama Islam. Tegasnya, dalam kata-kata adat ada mengingatkan bahawa:

Kuat adat tidak gaduh hukum

Kuat syarak tidak gaduh adat

Adat menghilang yang buruk,

menimbul yang baik

Syarak menyuruh berbuat baik,

meninggalkan yang jahat¹⁸⁷

¹⁸⁷ Temubual dengan Dato' Ombi Abdul Ghani Shamarudin pada 20 Jun, 1998.

Berdasarkan kepada aspek yang dikemukakan di atas, dapat disimpulkan bahawa Adat Perpatih yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di daerah Jelevu itu lengkap, iaitu merangkumi aspek-aspek ekonomi, sosial dan politik. Setiap sudut kehidupan masyarakat itu siap dengan adat atau peraturan yang digariskan. Oleh itu, masyarakat Perpatih di daerah ini dapat hidup dengan teratur dari segi sosial, ekonomi dan politiknya.

Daripada sudut keutuhannya, adat tersebut mampu bertahan hingga ke hari ini terutamanya di kalangan orang-orang Melayu yang tinggal di penempatan kampung-kampung tradisional di mana amalan adat itu amat jelas diteruskan kesinambungannya.

Dalam hal ini, Sidiq Fadhil menyebutkan:

Demikian berlalunya suatu pengalaman, terujinya kelangsungan adat apabila bertembung dengan Islam, selamatnya adat apabila ia bersedia menyesuaikan diri dengan kehendak syara'. Dengan masa yang terus beredar dan perubahan yang terus berlaku, ketahanan adat dan kesanggupannya menyesuaikan diri akan terus diuji.¹⁸⁸

¹⁸⁸ Sidiq Fadhil, 'Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi', Kertas Kerja Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam Dalam Sistem Adat Perpatih, Anjuran Jabatan Mufti Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 24-25 November 1997.

Dalam hal keselarasan adat dengan hukum Islam, sehingga kini belum ada kajian ataupun pandangan tokoh-tokoh agama yang menyatakan penyelewengan hukum adat itu. Sehubungan itu, menurut Hj. Muhammad bin Hj. Yassin perkara yang agak kontrovesi dalam Adat Perpatih dari dahulu hingga ke masa sekarang ialah ada keraguan di kalangan masyarakat yang mempertikaikan tentang pengagihan harta pusaka yang tidak mengikut hukum faraid.¹⁸⁹ Bagaimanapun permasalahan ini timbul kerana ketidakjelasan masyarakat tentang konsep pusaka itu. Mengikut Adat Perpatih pusaka ialah mertabat dan harta benda yang diterima turun-temurun. Pusaka harta benda terbahagi dua, iaitu pusaka tinggi dan pusaka rendah. Menurut Djafri Dato' Bendaro Lubik Sati, pusaka tinggi turun-temurun menurut garis adat dan darah *matrilinial*, bulat tidak bersanding, picak tidak bersegi menurut acuan yang ada sepanjang adat. Sementara pusaka rendah ialah harta benda yang tidak tergolong kepada pusaka tinggi dan dapat diturunkan menurut kesukaan pemiliknya. Antara pusaka rendah ini ialah harta pencarian di mana pembahagian dan pewarisannya menurut kaedah syarak (faraid).¹⁹⁰

Seperti yang telah dinyatakan, ada golongan ahli-ahli agama yang mempersoalkan tentang pengagihan pusaka di kalangan masyarakat Adat Perpatih itu. Antaranya ialah Syeikh Ahmad Khatib menyatakan bahawa harta pusaka tersebut adalah harta haram dan proses pewarisannya adalah bertentangan dengan agama.¹⁹¹

¹⁸⁹ Temubual dengan Hj Muhammad bin Hj Yassin pada 10 September, 1998.

¹⁹⁰ Djafri Datuk Bandaro Lubuk Sati, (Haji), Hukum Adat Minangkabau, Rapat Kerja Daerah Pengadilan Tinggi dan Para Ketua/Hakim Pengadilan Negeri Se Sumatera Barat, Padang, 21-23 Nopember, 1990.

¹⁹¹ Amir Syarifuddin, *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau*, P.T. Gunung Agung, Jakarta, 1984, hlm. 275.

Bagaimanapun pendapat terkemudian yang dibawa oleh Syeikh Abdul Karim Amrullah harta pusaka itu sama keadaannya dengan harta wakaf atau musabalah yang pernah dilakukan oleh Umar Ibnu al-Khattab atas harta yang didapatinya di Khaybar yang telah dibekukan untuk kepentingan umum. Oleh kerana harta itu tidak dapat diwariskan, maka ia tidak termasuk dalam waris-waris menurut hukum faraid.¹⁹²

Tegasnya, golongan agama dan pendukung adat ada perselisihan faham dalam hubungan pemberian harta pusaka itu. Walaupun begitu, menurut Sidiq Fadzil semangat golongan agama dan adat yang menangani masalah tersebut amat disanjung. Dalam hal ini beliau menyatakan:

Di sepanjang sejarah perkembangan dialog syara' dan adat di Minangkabau memang terdapat babak-babak tegang dan emosional. Namun pada umumnya semangat lapang dada dan kesalingan di antara kedua pihak jelas lebih kuat. Sementara di pihak pemelihara adat ada kesediaan untuk memenuhi prinsip syara' mangato, adat memakai, di pihak agamawan pula ada kesediaan untuk turut memelihara adat. Sikap para agamawan bukan memusuhi adat, tetapi mengislamkannya dan seterusnya melestarikannya.¹⁹³

¹⁹² HAMKA, *Islam dan Minangkabau*, Penerbit Pusaka Panjimas, Jakarta, 1984, hlm. 103.

¹⁹³ Sidiq Fadhil, *Fleksibiliti Adat Perpatih Dalam Proses Islamisasi*, Kertas Kerja Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam Dalam Sistem Adat Perpatih, Anjuran Jabatan Mufti Kerajaan Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, 24-25 November 1997.

Melalui kajian yang dilakukan ini adalah diharap dapat menjadi asas kepada penemuan awal kepada etos orang Melayu yang mengamalkan Adat Perpatih di daerah Jelevu. Daripada paparan yang didapati melalui kajian perpustakaan dan temubual dengan tokoh-tokoh adat, maka dapat dirumuskan bahawa orang-orang Melayu Adat Perpatih di daerah Jelevu mempunyai etos yang dianggap murni dan dinamik. Untuk itu adalah tidak benar pendapat yang menyatakan bahawa keciciran dan kemunduran orang-orang Melayu oleh sesetengah orang adalah berpunca daripada mengamalkan adat dan budaya yang kolot.

Tegasnya, Adat Perpatih yang teramal oleh sebahagian besar masyarakat Melayu di Negeri Sembilan khususnya di daerah Jelevu dilihat sebagai manifestasi etos masyarakat Melayu tradisi. Norma dan nilai yang terungkap melalui pepatah-petitih dalam Adat Perpatih mencerminkan betapa masyarakat tradisi telah mempunyai tamadun yang dianggap tinggi dan lengkap. Hakikat ini berdasarkan kepada mesej Adat Perpatih itu menggarap aspek sosial, ekonomi dan politik. Walaupun fenomena pencabulan budaya pada masa kini melalui proses ledakan maklumat, dunia tanpa sempadan dan langit terbuka yang begitu luar biasa gelombangnya tetapi Adat Perpatih masih teguh dan mantap di tempatnya khususnya di daerah Jelevu. Pendeknya, masyarakat di daerah ini begitu dominan dengan adat yang tak lapuk dek hujan, dan tak lekang dek panas yang sentiasa membayangi kehidupan mereka.

Kesimpulannya, walaupun kajian ini berpusat kepada orang Melayu pengamal Adat Perpatih di daerah Jelevu sahaja, tetapi kemungkinan ada ciri-ciri persamaan

dengan orang-orang Melayu di daerah lain yang mengamalkan Adat Perpatih . Sekali gus tidak keterlaluan jika dikatakan etos orang Melayu pengamal Adat Perpatih di daerah Jelevu ini merupakan cerminan etos orang Melayu keseluruhannya. Walau bagaimanapun untuk membuktikan kebenaran kenyataan ini adalah memerlukan kajian ilmiah dan diharapkan dapat dilakukan oleh pengkaji-pengkaji budaya pada masa akan datang.

Bibliografi

Buku

- Abdullah Jumain Abu Samah. 1995. *Asal-Usul Adat Perpatih dan Adat Temenggung: Satu Analisis Tambo-Tambo Minangkabau Berasaskan Strukturalisme*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Taib. 1985. *Asas-Asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abu Hassan Din. 1990. *Ke Arah Keimanan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abul A'la Al-Maududi. 1983. *Pokok Pandangan Hidup Muslim (Terjemahan)*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Ahmad Mohd Saleh. 1998. *Pendidikan Islam: Dinamika Guru Jilid I*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Alan R. B. 1993. *Politik dan Kerajaan Modern (Terjemahan)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Albrecht, M. C. 1978. The Relationship of Literature and Society. Dalam Peter Davidson, Rolf Meyersolin and Edward Shils (ed.). *The Sociology, Literature Taste, Culture and Mass Communication*. Vol. 6. Cambridge: Chadwyck Healey.

- Amir Syarifuddin. 1984. *Pelaksanaan Hukum Kewarisan Islam Lingkungan Adat Minangkabau*. Jakarta: P.T. Gunung Agung.
- Eshleman, J. R. & Cashion, B. G. 1985. *Sociology (2nd. Edition)*. Boston: Little Brown and Co.
- Federico, R. C. 1979. *Sociology*. Philippines. Addison Wesley Publishing Co.
- Francois-Rene Daillie. 1990. *Alam Pantun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- H. Idrus Hakimy Dt. Rajo Penghulu. 1984. *Pokok-Pokok Pengetahuan Adat Alam Minangkabau*. Bandung: Remadja Karya CV.
- HAMKA. 1984. *Islam dan Minangkabau* . Jakarta: Penerbit Pustaka Panjimas.
- Hashim Awang. 1988. *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussein Alatas ,Syed. 1972. *Siapa Yang Bersalah*. Singapura: Pustaka National.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hussein. 1974. *Sastera Dan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Pustaka Zakry Abadi.
- Johns, A.H, Cultural Options and The Role of Tradision: Fecundation of a New Malay Poetry dlm. *Bahasa Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu*: 93. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan , Belia dan Sukan..
- Kirkpatrick ,E..M. (Edited). *Chambers 20th Century Dictionary (New Edition)*.
- Mahathir bin Mohamad. 1970. *The Malay Dilemma*. Petaling Jaya: Federal Publications.

- Mohd Taib Osman. 1980. Masyarakat, Kebudayaan dan Kesusasteraan dalam Ayob Yamin dan Hamzah Hamdani (pnggr). *Penulisan Kreatif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman. 1979. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Taib Osman dan Abu Hassan Sham. 1975. *Warisan Prosa Klasik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abul Quasem. 1975. *The Ethics of Al-Ghazali A Composite Ethics In Islam*. Petaling Jaya: Central Printing Sendirian Berhad.
- Muhammad Al-Buraey. 1992. *Pembangunan Pentadbiran Menurut Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Haji Daud. 1993. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Newbold, T.J. 1993. Dalam Norhalim Hj Ibrahim. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti .
- Nordin Selat. 1982. *Renungan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions.
- Nordin Selat. 1982. *Sistem Sosial Adat Perpatih*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors.
- Norhalim Hj Ibrahim. 1993. *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaan dengan Adat Temenggung*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Ramanathan, K. 1988. *Konsep Asas Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- R.H.A. Soenarjo S.H.. 1971. *Al-Quran dan Terjemahan*. Jakarta: Yayasan Penyelenggara Penterjemahan/ Pentafsir Al-Quran.
- S. Takdir Aliasjahbana, 1971, *Puisi Lama*, Petaling Jaya: Zaman Baru.
- Senu Abdul Rahman , Ali Haji Ahmad, Rais Saniman, Abdullah Haji Ahmad, Raja Mohd Affandi, Taib Osman, Wan Mohd Mahyiddin Wan Nawang, Kahar Bador, Wan Ismail Wan Mahmud, Raja Azman Raja Ismail, Hamzah Alang, Omar Osman, Ali Abdullah, Buyong Adil. 1971. *Revolusi Mental*. Kuala Lumpur: Penerbitan Utusan Melayu.
- Shahnon Ahmad. 1991. Karya Sastera Sebagai Bahan Pengajaran dan Pendidikan dlm. *Sastera Seismograf Kehidupan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shahnon Ahmad. 1981. *Kesusasteraan dan Etika Islam*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Soerjono Soekanto, SH. MA. 1988. *Memperkenalkan Sosiologi*. Edisi Baru. Jakarta: CV Rajawali.
- ZA'BA. 1965. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tesis, Latihan Ilmiah dan Kertas Kerja

- Abdul Samad Idris. 1984. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei 1984.
- Abdul Samad Idris 1996. Secebis Mengenai Adat Perpatih: Nilai dan Falsafahnya. Kertas Kerja Seminar Kerapatan Adat Negeri Sembilan, 24 Julai.

- Azizah Kassim. 1969. Kedudukan Wanita di Dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih di Negeri Sembilan. *Tesis M.A.* Universiti Malaya.
- Djafri Datuk Bandaro Lubuk Sati. 1990. Hukum Adat Minangkabau. Rapat Kerja Daerah Pengadilan Tinggi dan Para Ketua/Hakim Pengadilan Negeri Se Sumatera Barat, Padang pada 21-23 Nopember.
- Habibah Zainudin . 1978. Adat Perpatih; Pandangan Islam dan Masyarakat Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ibrahim bin Abdullah. 1977. Sistem Suku Adat Perpatih di Rembau. *Latihan Ilmiah.* Universiti Malaya.
- Nor Hasiah bt. Harun. 1990. Nilai Etika dalam Perbilangan Adat Perpatih Menurut Pandangan Islam. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norhalim Hj. Ibrahim. 1984. Sistem Sosial Adat Negeri Sembilan. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan. Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .
- Othman Haji Abu Bakar. 1977. Sejarah Jelevu: Satu Tinjauan Awal Aspek Sosial, Ekonomi dan Politik, 1850-1900. *Latihan Ilmiah.* Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sidek Fadzil. 1995. Budaya Sebagai Wahana Kebangkitan Bangsa. Kertas Kerja Seminar Mengenai Kebudayaan Kebangsaan . Hotel Princess, 12-13 Disember.
- Sidiq Fadzil. 1997. Fleksibiliti Adat Perpatih dalam Proses Islamisasi. Kertas Kerja Seminar Tertutup Pemantapan Nilai Islam dalam Sistem Adat Perpatih. Anjuran Jabatan Mufti Kerajaan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan , 24-25.

Zainal Kling. 1984. Prinsip Adat dan Pembangunan Masyarakat. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan . Universiti Pertanian Malaysia, 3-5 Mei .

Majalah / Akhbar / Ucapan

Azman Ismail. 1999. Kehebatan Karya Agung. *Mingguan Malaysia*, April: 28.

Berita Harian, 6 September, 1997.

Hanafi Dolah.1982. Institusi Perhambaan dalam Masyarakat Melayu Tradisional: Satu Analisis dari Segi Teori Nilai dalam Malaysia dari Segi Sejarah . Kuala Lumpur:

Hashim Yaccob. 1993. Sastera Milik Kita Semua. *Dewan Sastera*, November.

Hassan Ahmad. 1997. Kebangkitan Melayu. *Dewan Budaya*. Bil. 7. Jilid 19. Julai.

Kamaruddin Hj. Kachar . Ucapan Seminar Kebangsaan Adat Perpatih dan Wilayah Budaya Negeri Sembilan pada 3-5 Mei 1984. Universiti Pertanian Malaysia.

Mahathir Mohamad . Ucapan di Perhimpunan Agung UMNO ke-40. Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur pada 5 September, 1997.


Persatuan Sejarah Malaysia.

Shamsul Amri Baharuddin, Feudal dalam Adat Perpatih, 12(8), 1974, hlm. 32-33.

Tun Abdul Razak bin Hussen. Ucapan di Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada 16-20 Ogos, 1971.

Temu bual

1. Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad. 1998. Jelevu, 20 Mei.
2. Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusuf. 1998. Jelevu, 25 Mei.
3. Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman. 1998. Jelevu, 1 Jun.
4. Dato' Ombi Abdul Ghani bin Dato' Shamarudin. 1998. Jelevu, 20 Jun.
5. Dato' Chenchang Hj Othman bin Sirun. 1998. Jelevu, 25 Jun.
6. Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusuf. 1998. Jelevu, 28 Jun.
7. Hj. Muhammad bin Yassin. 1998. Seremban, 10 September.
8. Hj. Ariffin bin Omar. 1998. Seremban, 25 September.



UAM MEMIMPIN

یونیورسیتی کبڠساان ملیسیا

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA

TELEGRAM "UNIKEB" TEL: 03-8250001, 8250601, 8250701

TELEX UNIKEB MA 31496 FAX:

125

LAMPIRAN 1

Pejabat Ketua Jabatan
Jabatan Persuratan Melayu

UKM 1.8.8/207/3 Jld. IV
5 September 1998

KEPADA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

Kebenaran Membuat Kajiidikan

Saudara *Abdul Razak bin Lidun (Matrik A 6854)* ialah seorang mahasiswa di Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia. Dewasa ini beliau sedang membuat kajiidikan dalam bidang "*Etos Melayu Daripada Perspektif Adat Perpatih*." Untuk tujuan ini diharap dapat kiranya tuan/puan memberikan kerjasama serta nasihat yang diperlukan olehnya.

2 Di atas segala bantuan dan pertolongan pihak tuan/puan, kami ucapkan ribuan terima kasih.

Yang benar,

Prof. Madya Dr. Noriah Mohamed

Ketua

Jabatan Persuratan Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia.

LAMPIRAN 2**SENARAI TOKOH YANG DITEMUBUAL****1) Dato' Ombi Abdul Ghani bin Shamarudin**

Beliau dilahirkan pada tahun 1932 di Jelevu, Negeri Sembilan. Mendapat pendidikan Inggeris di Sekolah Menengah King George V (KGV) Seremban, Negeri Sembilan sehingga tamat Senior Cambridge. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Universiti Malaya, Singapura dalam Jurusan Perubatan (1954-58) tetapi tidak sempat menghabiskan pengajiannya. Pernah bertugas di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Beliau banyak menghasilkan rencana-rencana terutamanya tentang budaya dan pada masa yang sama banyak menterjemahkan buku teks Sains bahasa Inggeris ke bahasa Melayu untuk kegunaan pelajar sekolah menengah.

Dalam adat Jelevu, beliau kini memegang Jawatan Dato' Lembaga yang bergelar Dato' Ombi.

2) Dato' Raja Balang Hj Jamaluddin bin Abdul Rahman

Beliau dilahirkan di Jelevu, Negeri Sembilan. Tamat sekolah Melayu. Pernah bertugas sebagai anggota Polis Di-Raja Malaysia. Kini beliau memegang jawatan adat sebagai Dato' Raja Balang.

3) Dato' Chenchang Hj Othman bin Sarun

Beliau dilahirkan di Jelevu. Tamat sekolah Melayu. Seorang peniaga. Dalam adat beliau menjawat jawatan sebagai Dato' Chenchang Maharaja Lela.

4) Dato' Mengiang Hj Yaakub bin Yusof

Beliau dilahirkan di daerah Jelevu. Persekolahan sehingga tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau memegang jawatan Dato' Lembaga bergelar Dato' Mengiang Merah Bangsa.

5) Dato' Megat Hj Lidun bin Mohamad

Beliau dilahirkan pada tahun 1920 di Jelevu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat Jelevu beliau memegang jawatan Buapak bergelar Dato' Megat.

6) Dato' Beremban Hj Ahmad bin Yusof

Dilahirkan pada tahun 1922 di Jekebu. Tamat sekolah Melayu. Dalam adat beliau kini menjawat jawatan Buapak bergelar Dato' Beremban.


7) Ustaz Hj Ariffib bin Omar

Bertugas sebagai pensyarah di Jabatan Agama dan Tamaddun Islam Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Kahirah, Mesir. Sering muncul di Radio Malaysia, Negeri Sembilan menyampaikan ceramah agama

8) Hj Muhammad Salleh bin Hj Yassin

Dilahirkan pada tahun 1943. Mendapat pendidikan daripada Universiti Al-Azhar, Mesir Dan memperolehi ijazah BA dalam jurusan Syariah. Pernah bertugas sebagai Ketua Jabatan Agama Dan Tamaddun Islam di Maktab Perguruan Raja Melewar, Seremban. Kerap menyampaikan ceramah agama melalui Radio Malaysia Negeri Sembilan. Selepas bersara dari Perkhidmatan Kerajaan kini beliau memberikan khidmatnya sebagai Ahli Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.

LAMPIRAN 3



**HIRAKI KEPIMPINAN DALAM SISTEM POLITIK MASYARAKAT
MELAYU ADAT PERPATIH DI NEGERI SEMBILAN**